

Terbaik Dari Kami



2021 - 2025

PELAN STRATEGIK

PEJABAT DAERAH / TANAH

Kuala Selangor



PDTKSel



pdt.kualaselangor



kualaselangor.selangor.gov.my

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

- ❖ KATA-KATA ALUAN PEGAWAI DAERAH
- ❖ BAB 1 ~ PENDAHULUAN
 - ✚ Tujuan Pelan Strategik
 - ✚ Ringkasan Eksekutif
 - ✚ Sejarah & Latar Belakang
 - ✚ Peta Daerah Di Negeri Selangor
 - ✚ Peta Mukim Di Daerah Kuala Selangor
 - ✚ Keluasan Daerah Dan Mukim
 - ✚ Jumlah Penduduk Mengikut Mukim Tahun 2011
 - ✚ Guna Tanah
- ❖ BAB 2 ~ PROFILE PEJABAT DAERAH TANAH KUALA SELANGOR
 - ✚ Carta Organisasi
 - ✚ Fungsi Bahagian
 - ✚ Punca Kuasa
 - ✚ Stakeholder Dan Pelanggan
- ❖ BAB 3 ~ SENARIO PERSEKITARAN
 - ✚ Isu-Isu/Cabaran
- ❖ BAB 4 ~ HALA TUJU PELAN STRATEGIK
 - ✚ Visi, Misi, Moto, Objektif
 - ✚ Nilai-Nilai Bersama
 - ✚ Hala Tuju Pelan Strategik
 - ✚ Objektif Strategik
 - ✚ Strategik Dan Pelan Tindakan
 - ✚ Peta Strategik
- ❖ BAB 5 ~ ELEMEN PENENTU KEJAYAAN & MEKANISME PELAKSANAAN
 - ✚ Elemen Penentu Kejayaan
 - ✚ Mekanisme Pelaksanaan
 - ✚ Carta Perbatuan Pelaksanaan

KATA KATA ALUAN PEGAWAI DAERAH



**MOHD FAIZAL BIN ABDUL RAJI
S.M.S., A.I.S.**

Pegawai Daerah Kuala Selangor



Assalamualaikum WBT,

Segala puji bagi Allah SWT. Tuhan sekalian alam yang telah melimpahkan segala nikmatNya ke atas setiap hambaNya. Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah saya bersyukur dengan izinNya, Pelan Strategik bagi tahun 2021 hingga 2025 Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor telah berjaya disiapkan.

Selaku Pegawai Daerah Kuala Selangor, pelan ini merupakan watak asas panduan kepada seluruh warga kerja jabatan ini dalam menuju ke arah sebuah perkhidmatan awam yang terbaik melalui transformasi menyeluruh menjelang tahun 2025.

Pelan Strategik tahun 2021-2025 ini merupakan kesinambungan Pelan Strategik Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor terdahulu dengan mengambilkira pelbagai aspek iaitu pencapaian Pelan Strategik tahun 2016-2020, peningkatan tahap kecekapan dan kompetensi pegawai serta situasi semasa di Selangor khususnya serta Negara amnya.


Pelan Strategik ini juga merupakan gabungan holistik beberapa idea dan gagasan utama pentadbiran dalam memastikan pentadbiran awam negeri dapat meningkatkan lagi kebekesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan bagi memenuhi hasrat dan ekspektasi tinggi daripada pelanggan dan stakeholders serta berada di landasan yang sama dalam memacu transformasi Daerah Kuala Selangor yang indah dan bersejarah ini.

Justeru, penekanan kepada pemantauan dan analisa yang berterusan adalah penting bagi memastikan pencapaian Pelan Strategik dengan menyesuaikan keadaan semasa Pandemik Covid-19 serta SOP Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.

Harapan saya agar segala teras, strategi dan pelan tindakan yang telah digariskan di dalam pelan ini akan dijadikan panduan serta dilaksanakan oleh semua pegawai dalam menjayakan semua agenda yang ditetapkan. Semoga segala usaha murni dan gigih yang telah dan bakal dilaksanakan mendapat keredhaan dan keberkatan di sisi Allah SWT jua.


Akhir Kalam, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarokatuh.

Terbaik Dari Kami



■ BAB 1

PENDAHULUAN





TUJUAN PELAN STRATEGIK

01

Menyediakan rangka kerja dan hala tuju yang jelas kepada organisasi dan warga kerja dalam merancang, melaksana serta memantau sistem penyampaian

02

Meningkatkan tahap akauntabiliti organisasi dan warga kerja

03

Selari dengan keperluan stakeholders dan pelanggan



SEJARAH & LATAR BELAKANG

Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor ditubuhkan pada tahun 1958 bertempat di Pekan Kuala Selangor. Pegawai Daerah Kuala Selangor yang pertama ialah Mr. Bellamy. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor berpindah ke Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan Daerah Kuala Selangor pada Tahun 1986.

Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan Tanah dan Bahagian Pembangunan. Setiap bahagian diketuai oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah.



Daerah Kuala Selangor merupakan daerah yang ke 2 terbesar di dalam Negeri Selangor dengan keluasan 121,696.17 hektar. Lebih kurang 58% daripada keseluruhan daerah ini menjalankan kegiatan pertanian manakala lebih kurang 33.0% merupakan kawasan perhutanan.






PETA

DAERAH DI NEGERI SELANGOR



■ PETA MUKIM DI DAERAH KUALA SELANGOR




KELUASAN DAERAH DAN MUKIM

BIL.	MUKIM	KELUASAN (HEKTAR)	KELUASAN (EKAR)
1	TANJONG KARANG	43,162.17	106,656.03
2	JERAM	15,600.37	38,549.35
3	IJOK	13,833.50	34,183.33
4	PASANGAN	11,773.35	29,092.58
5	BESTARI JAYA	10,060.57	24,860.20
6	HULU TINGGI	9,665.85	23,884.84
7	HUJONG PERMATANG	8,176.95	20,205.69
8	API-API	6,975.52	17,236.89
9	KUALA SELANGOR	2,447.89	6,048.87
	JUMLAH	121,696.17	300,717.78

Sumber : Degis, Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor


JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT MUKIM TAHUN 2011



* Data Kepadatan Penduduk Mengikut Skala Dari Jabatan Perangkaan Tahun 2011




IGUNA TANAH



■ BAB 2

PROFIL PDTKS

CARTA ORGANISASI





FUNGSI BAHAGIAN



FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

UNIT KESELAMATAN

- Menyelaras keselamatan daerah melalui Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah.
- Merancang dan melaksanakan kempen- kempen bersama dengan agensi-agensi berkaitan.

UNIT MAJLIS & KERAIAN

- Menyelaras, mengatur dan melaksanakan program-program (sambutan / keraian / majlis rasmi / mesyuarat Kerajaan Negeri dan Persekutuan) di peringkat daerah.
- Melaksanakan mesyuarat persediaan bagi program yang dirancang.

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Memberikan khidmat sokongan teknikal dalam teknologi maklumat dan komunikasi.
- Menyelaras dan mengawal penggunaan sistem, peralatan, server dan lain-lain yang berkaitan.
- Membangun dan mengemaskini laman web jabatan.
- Menyediakan latihan untuk semua pegawai dan anggota termasuk latihan pengguna.

UNIT PENTADBIRAN & KEWANGAN

- Mengurus hal-ehwal pentadbiran dan kewangan
- Menyelaras perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja.
- Mengurus kerja-kerja perkhidmatanyang dikontrakkan.
- Mengawasi disiplin dan memproses tindakan tatatertib.
- Memantau, mengurus dan memaklumkan aduan yang diterima.

UNIT PERKHIDMATAN & SUMBER MANUSIA

- Mengendalikan segala urusan perkhidmatan yang berkaitan dengan pegawai dan kakitangan seperti mengurus kakitangan tetap dan kakitangan kontrak, pengesahan jawatan, memasukkan jawatan berpencen, persaraan, kursus, urusan pergerakan gaji kakitangan serta kenaikan pangkat.
- Menguruskan cuti, rekod peribadi kakitangan, Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) melalui Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS).
- Menyelaras, memantau serta membangunkan kepakaran warga Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor terhadap pelaksanaan HRMIS.

FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN

UNIT PEMBANGUNAN FIZIKAL

- Menjalankan lawatan tapak, menyediakan laporan siasatan dan Bill of Quantity (BQ) ke atas permohonan/aduan yang diterima.
- Menyelaras semua permohonan pembangunan luar bandar sama ada di bawah projek jalan kampung, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, program ameniti sosial, projek penyelenggaraan infrastruktur awam, projek infrastruktur asas luar bandar dan projek lampu jalan kampung untuk kelulusan.
- Merancang, menyelaras dan menguruskan proses perolehan.
- Memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan luar bandar yang telah diluluskan sama ada di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan mahu pun Kerajaan Negeri.
- Menyediakan laporan-laporan berkala pelaksanaan projek.
- Mengurusetiaikan Mesyuarat Jawatan Kuasa Tindakan Pembangunan.

UNIT PEMBANGUNAN MASYARAKAT

- Pelantikan dan penamatan Ketua-Ketua Kampung Tradisi , Kampung Baru dan Komuniti India
- Penyediaan Profil Kampung Tradisi dan Kampung Baru Cina.
- Merancang Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat (daerah).
- Menyelaras Program MES (Merakyatkan Ekonomi Selangor) di peringkat mukim.
- Merancang pembangunan Daerah dan ekonomi masyarakat.
- Menyelaras program peningkatan ilmu dan kepimpinan masyarakat.
- Menyelaras program pembasmian kemiskinan.
- Menyelaras program Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana.
- Menyelaras penggunaan peruntukan Pengerusi JKKK dan Ketua Komuniti India.
- Menyelaras penggunaan perutukan Ahli Dewan Negeri dan Pusat Khidmat Masyarakat.



FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

UNIT HASIL

- Menyelaras dan memungut hasil dengan cara yang lebih berkesan.
- Memastikan sistem pembayaran cukai hasil setempat berjalan lancar.
- Menyediakan laporan bulanan pungutan hasil.
- Mengumpul maklumat berkaitan hasil tanah bagi tujuan pemantauan.
- Memantau dan mengurangkan tunggakan cukai tanah.

UNIT PELUPUSAN TANAH

- Memproses permohonan pelupusan tanah Kerajaan daripada pemohon-pemohon yang layak mengikut peruntukan Seksyen 43 Kanun Tanah Negara (KTN) secara:
 - ✓ Pemberimilikan tanah Kerajaan Seksyen 76 KTN;
 - ✓ Pewartaan bagi tujuan awam Seksyen 62 KTN;
 - ✓ Lesen Pendudukan Sementara Seksyen 65 KTN; dan
 - ✓ Lanjut tempoh pajakan Seksyen 197

UNIT TEKNIKAL & PENGUATKUASAAN

- Tindakan di bawah Bab 5 Bahagian 7 Kanun Tanah Negara 1965-Penguatkuasaan syarat-syarat.
- Penceroobohan Tanah Kerajaan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965.
- Pengalihan Bahan Batuan Seksyen 426 dan Seksyen 72 Kanun Tanah Negara 1965.
- Menjalankan Operasi Bersepadu bersama Agensi Penguatkuasa yang lain.
- Kawasalan keselamatan ketika aktiviti jabatan.

UNIT PEMBANGUNAN TANAH

- Mengubah kategori kegunaan & syarat nyata tanah Seksyen 12 Kanun Tanah Negara.
- Pecah sempadan tanah Seksyen 135 Kanun Tanah Negara.
- Pecah bahagian tanah Seksyen 10 Kanun Tanah Negara.
- Penyatuan tanah Seksyen 148 Kanun Tanah Negara.
- Serah balik tanah Seksyen 197 dan 200 Kanun Tanah Negara.
- Serah balik tanah dan bermilik semula Seksyen 204 dan Seksyen 197 & 76 Kanun Tanah Negara
- Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah.


UNIT PENDAFTARAN TANAH

- *Mendaftar urusan urusniaga (melepaskan gadaian, tenansi, ismen dan lain-lain).
- *Mendaftar urusan bukan urusniaga (kaveat, perintah larangan, tukar nama, perletakan mahkamah dan lain-lain)
- *Memproses permohonan hakmilik hilang/hancur.
- *Menyediakan perkhidmatan pembetulan hakmilik.
- *Pendaftaran permohonan hakmilik baru.
- *Penukaran Hakmilik Sementara (QT) kepada Hakmilik Tetap (FT).
- *Mendaftar urusan urusniaga dan bukan urusniaga Hakmilik Strata Berkomputer.

FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN PERUNDANGAN

PERUNDANGAN

- Memberi keutamaan untuk menasihati hal-hal pematuhan kepada undang-undang dan prosedur bagi urusan-urusan yang melibatkan tanah
- Memastikan Pernyataan Pembelaan / Afidavit Jawapan bagi pihak PTD untuk kes-kes sivil difailkan dalam tempoh masa yang sewajarnya
- Memastikan kertas siasatan PTD dan pemfailan kes ke Mahkamah untuk kes-kes saman jabatan diambil tindakan segera
- Memastikan isu-isu perundangan dalam hal-hal pentadbiran tanah dapat diteliti dengan sempurna dan diambil tindakan sewajarnya



PUNCA KUASA

- ❖ **PERINTAH-PERINTAH AM**
- ❖ **AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960**
- ❖ **AKTA KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA**
- ❖ **KAEDAH TANAH SELANGOR (2003,PINDAAN 2005,PINDAAN 2007,PINDAAN 2010,PINDAAN 2011)**
- ❖ **KANUN TANAH NEGARA 1965(AKTA 56/1965) DAN PERATURAN-PERATURAN**
- ❖ **ARAHAN PENTADBIRAN**
- ❖ **ARAHAN PERBENDAHARAAN & AKTA TATACARA KEWANGAN**
- ❖ **AKTA PERIZABAN MELAYU(CAP 142)**
- ❖ **ARAHAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)**
- ❖ **SOP KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**
- ❖ **PEKELILING PENGARAH TANAH & GALIAN SELANGOR**
- ❖ **PEKELILING PERKHIDMATAN DAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN**
- ❖ **PEKELILING PERBENDAHARAAN**
- ❖ **AKTA HAKMILIK STRATA 1985 – AKTA 318**
- ❖ **KAEDAH HAKMILIK STRATA SELANGOR 1987**
- ❖ **AKTA PENGURUSAN STRATA 2013- AKTA 757**
- ❖ **PEKELILING JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**



STAKE HOLDERS DAN PELANGGAN




PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA SELANGOR

STAKEHOLDERS



PELANGGAN



■ BAB 3

SENARIO

PERSEKITARAN





KEKUATAN

1. Sistem Pengurusan dan Tadbir Urus Yang Sistematik.

Barisan kepimpinan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor adalah mereka yang sangat berpengalaman dan kompeten dalam tugas dan tanggungjawab masing-masing. Mereka berpengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia dan pentadbiran, pengurusan kewangan, pengurusan tanah, pengurusan pembangunan, pengurusan perundangan. Mereka telah berjaya menguruskan sistem penyampaian perkhidmatan yang sistematik sesuai dengan keperluan pelanggan.

2. Lokasi pentadbiran yang strategik.

Lokasi pentadbiran yang strategik dan berhampiran dengan Shah Alam Ibu Negeri Selangor membantu memudahkan pelanggan untuk berurusan.

3. Rangkaian teknologi maklumat dan komunikasi yang lengkap.

Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor telah dilengkapi dengan rangkaian sistem teknologi maklumat dan komunikasi yang lengkap dan terkini. Ini membantu mempercepatkan urusan pelanggan.

4. Pembangunan sosio ekonomi dan kemasukan pelaburan dalam dan luar negeri.

Lokasi strategik Daerah Kuala Selangor mampu menarik pelabur luar dan dalam negeri untuk menempatkan pusat perniagaan mereka dalam sektor perladangan eco perlancongan, perindustrian, perumahan dan teknologi maklumat. Ini secara tidak langsung menambah hasil Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor.

5. Rangkaian sistem prasarana, pengangkutan/lebuhraya yang moden bertaraf antarabangsa.

Prasarana pengangkutan dan lebuhraya moden, Lebuhraya Latar, Lebuhraya Pantai Barat bertaraf antarabangsa yang melalui daerah kuala selangor memberi keyakinan yang kuat kepada pelabur dalam dan luar negeri mendapat pulangan baik dari pelaburan mereka. Daya tarikan ini memudahkan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor merancang pembangunan guna tanah.



6. Produk Pelancongan.

Daerah Kuala Selangor mempunyai daya tarikan pelancongan seperti Bukit Melawati, Taman Alam, *Fire Fly* Kampung Kuantan, Pantai Jeram yang berpotensi untuk dimajukan sebagai produk pelancongan negara. Kesannya boleh dinikmati oleh masyarakat setempat melalui kemudahan *Homestay*, produk IKS.

KELEMAHAN

1. Pelan penggantian bagi pertukaran pegawai dan kelewatan pengisian kekosongan jawatan.

Pelan penggantian dan pertukaran pegawai serta kelewatan pengisian kekosongan jawatan oleh pihak JPA dan negeri memberi kesan kepada proses dan pelaksanaan projek/perkhidmatan yang telah diluluskan. Sebahagian dari projek/perkhidmatan memerlukan kuasa pegawai yang telah ditetapkan oleh undang-undang dan pekeliling kerajaan.

2. Penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan secara maksimum.

Penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan secara maksimum kerana kekurangan pegawai penguatkuasa berbanding dengan keluasan daerah Kuala Selangor.

3. Masalah penyelenggaraan jentera dan kekurangan sokongan logistik.

Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor masih memerlukan tambahan logistik seperti kenderaan. Kenderaan yang sedia ada tidak mencukupi untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang berkesan. Kenderaan yang tidak diselenggara menambah lagi masalah penguatkuasaan.





ANCAMAN

1. Ketidakstabilan ekonomi global dan domestik.

Ketidakstabilan ekonomi global dan domestik memberi impak kepada perancangan dan pelaksanaan program Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor. Beberapa program dan projek terpaksa ditangguh atau diubahsuai kerana pihak pelabur dan pemaju hartanah mengambil langkah berhati-hati. Ini memberi kesan kepada hasil Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor.

2. Penularan wabak penyakit Covid - 19.

Penularan wabak penyakit Covid -19 memberi kesan kepada ekonomi, keselamatan, kesihatan, sosial di peringkat global, negara, negeri dan daerah. Gangguan berpanjangan Covid -19 menjejaskan prestasi Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor. Semua proses kerja terpaksa disesuaikan dengan SOP MKN & KKM.

3. Campur tangan politik.

Campur tangan politik dalam perancangan dan pelaksanaan projek/program Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor adakalanya memaksa pengubahsuaian dan memperlahankan rentak pembangunan ekonomi daerah.

4. Ekspektasi *stakeholder* dan pelanggan yang semakin tinggi dan kompleks.

Pembangunan kawasan perumahan dan kediaman moden membawa masuk bersama penduduk/pelanggan baru yang berjawatan tinggi dan berkelulusan tinggi. Cabaran getir menanti pentadbiran Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor bagi memenuhi keperluan mereka yang semakin kompleks.



5. Kemasukan pendatang asing menimbulkan gejala sosial dan penguatkuasaan.

Pembangunan pesat daerah Kuala Selangor telah menarik ramai warga asing bekerja dalam pelbagai sektor. Kehadiran PATI menggugat keselamatan, kesejahteraan rakyat dengan isu sosial, jenayah, kesihatan, penerokaan tanah secara haram. Perkara ini memerlukan kolaborasi dengan agensi kerajaan yang lain bagi tujuan penguatkuasaan.

PELUANG

1. Peningkatan hasil melalui kemasukan pelabur domestik dan antarabangsa.


Kemasukan pelabur domestik dan antarabangsa mempelbagai sumber hasil Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor.

2. Kemajuan pembangunan dan infrastruktur.

Para pelabur memerlukan jaringan pembangunan dan infrastruktur bagi mendapat pulangan optimum. Ini memberi peluang bagi merancang dan mendapat peruntukan kewangan dari kerajaan negeri dan persekutuan.

3. Kemajuan sistem teknologi maklumat dan komunikasi.

Peluang untuk memantapkan tahap pengurusan ICT, infrastruktur dan keselamatan ICT bagi menyokong penyampaian perkhidmatan kepada *stakeholder* dan pelanggan.





■ BAB 4

HALA TUJU PELAN

STRATEGIK



■ VISI, MISI


MOTO PERKHIDMATAN PELANGGAN & OBJEKTIF



**Menjadikan Kuala Selangor Sebuah Daerah Yang Unggul
Dan Maju Dalam Aspek Pengurusan Tanah Dan
Pembangunan Daerah Menjelang Tahun 2025**



**Mentadbir Pengurusan Tanah Dan Pembangunan
Daerah Secara Efisyen, Profesional Dan Seimbang Ke
Arah Kehidupan Yang Harmoni Dan Sejahtera**






Terbaik Daripada Kami



**Mewujudkan Perkhidmatan Yang Cepak Dan Berkesan
Dalam Aspek Pengurusan Kewangan, Pentadbiran,
Sumber Manusia, Pembangunan Fizikal Dan Masyarakat
Serta Pengurusan Tanah Di Daerah Kuala Selangor**



AMANAH



KERJA BERPASUKAN




TELUS



NILAI – NILAI
BERSAMA


INTEGRITI



ADIL



BERDISIPLIN



AMANAHAH

Menjalankan tugas dengan penuh komitmen, dedikasi dan rasa tanggungjawab selaras dengan akujanji yang telah diikrarkan.

KERJA BERPASUKAN

Mempunyai semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak ansur dan sifat setia kawan dan muafakat yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi.

INTEGRITI

Melaksanakan amanah dan kuasa dengan jujur dan saksama. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh.

BERDISPLIN

Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang, peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyeliaan yang rapi dan sentiasa menjaga imej diri, organisasi, perkhidmatan dan negara di kaca mata masyarakat.

ADIL

Sentiasa berusaha membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan dan fakta yang lengkap dan tepat. Penilaian terhadap sesuatu tindakan atau keputusan dibuat secara objektif dan analitikal dengan menggunakan kaedah yang betul serta memuaskan semua pihak terlibat.

TELUS

Sentiasa bersikap positif dan terbuka dengan mewujudkan prosedur kerja dan melaksanakan tindakan yang telus, lengkap serta menyelesaikan kerja mengikut masa yang ditetapkan. Berusaha memaklumkan maklumat, tindakan dan keputusan yang telah diambil kepada pihak berhak selagi ianya tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan.

HALA TUJU PELAN STRATEGIK

Visi

Menjadikan Kuala Selangor Sebuah Daerah
Yang Unggul Dan Maju Dalam Aspek
Pengurusan Tanah Dan Pembangunan Daerah
Menjelang Tahun 2020

Misi

Mentadbir Pengurusan Tanah Dan Pembangunan Daerah Secara
Efisyen, Profesional Dan Seimbang Ke Arah Kehidupan Yang
Harmoni Dan Sejahtera

ELEMEN

KEUTUHAN

KEMANUSIAAN

ALAM SEKITAR

TERAS STRATEGIK

Objektif
Strategi 1 :

Memperkasakan
Tadbir Urus
Organisasi Yang
Berintegriti Dan
Sistem
Penyampaian Yang
Berkesan

Objektif
Strategi 2 :

Memperkukuhkan
Pengurusan Dan
Pentadbiran Tanah
Bagi Kemakmuran
Negeri Dan
Kesejahteraan
Rakyat

Objektif
Strategi 3 :

Memantapkan
Program Dan
Aktiviti
Pembangunan
Daerah Yang
Lebih Bersepadu

PRINSIP

NEGERI BERKEBAJIKAN

MERAKYATKAN
EKONOMI SELANGOR





OBJEKTIF STRATEGIK

OBJEKTIF STRATEGIK

1

Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Yang Berintegriti Dan Sistem Penyampaian Yang Berkesan

OBJEKTIF STRATEGIK

2

Memperkukuhkan Pengurusan Dan Pentadbiran Tanah Bagi Kemakmuran Negeri Dan Kesejahteraan Rakyat

OBJEKTIF STRATEGIK

3

Memantapkan Program Dan Aktiviti Pembangunan Daerah Yang Lebih Bersepadu





STRATEGIK & PELAN TINDAKAN

OBJEKTIF STRATEGIK 1 :

Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Yang Berintegriti Dan Sistem Penyampaian Yang Berkesan

STRATEGIK	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN / TEMPOH SASARAN	PEMACU
MEMANTAPKAN PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN	Mengoptimumkan perbelanjaan organisasi	Prestasi perbelanjaan	95% perbelanjaan 5% Penjimatan	Peruntukan dibelanjakan pada tahun semasa	BKP
	Kawalan ketirisan dalam perbelanjaan	Kajian pasaran harga bagi setiap perolehan	Penilaian pengurusan terhadap keberkesanan kajian pasaran harga	2 kali setahun	BKP




STRATEGIK	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN / TEMPOH SASARAN	PEMACU
	Pengurusan Aset Alih	* Pekeliling perbendaharaan * Bilangan Mesyuarat JKPAK * Lantikan pemverifikasi dan penyelarasan aset alih	Membuat pemeriksaan aset alih Lantikan pegawai	1 kali setahun 4 kali setahun 2 tahun sekali	BKP
	Pengurusan rekod yang bersistematik mengikut arkib	Pekeliling Arkib Negara Malaysia	Pelupusan rekod Mendapatkan koding fungsian iaitu kod 600, 700, 8000, 900	1 kali setahun Tahun 2023	BKP





STRATEGIK	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN / TEMPOH SASARAN	PEMACU
MENINGKATKAN KOMPETENSI WARGA KERJA MELALUI LATIHAN YANG DIBERI	Menyediakan laporan analisa kompetensi kakitangan	Borang Penilaian Kursus yang dianalisa dalam Jawatankuasa Latihan	Jawatankuasa bersidang	2 kali setahun	BKP
MEMASTIKAN PROGRAM-PROGRAM DALAMAN DAN KERAJAAN NEGERI DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL	Mengadakan Perhimpunan Bulanan / APC / perayaan / PAID / Lawatan Tuanku / Keagamaan	Arahan pengurusan tertinggi		4 kali setahun	BKP
MELAHIRKAN WARGA KERJA YANG BERINTEGRITI	Menganjurkan program integriti kepada kakitangan	Berdasarkan perancangan agensi melalui SKT tahunan	Mengadakan program	4 kali setahun	UNIT INTEGRITI



STRATEGIK	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN / TEMPOH SASARAN	PEMACU
MEMPERKASAKAN DAN MENGOPTIMAKAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)	Meningkatkan keberkesanan pengurusan aduan ICT melalui <i>Helpdesk</i>	Mengikut SOP bahagian	Mematuhi tempoh masa mengikut klasifikasi aduan *Kritikal *Sederhana *Biasa	1 hari bekerja 3 hari bekerja 5 hari bekerja	BKP
	Mengoptimalkan penggunaan Portal Rasmi bagi segala urusan secara online	Laporan dibentangkan dalam Mesyuarat Jaatankua sa ICT		Setahun sekali	BKP






STRATEGIK & PELAN TINDAKAN

OBJEKTIF STRATEGIK 2 :

Memperkukuhkan Pengurusan Dan Pentadbiran Tanah Bagi Kemakmuran Negeri Dan Kesejahteraan Rakyat

STRATEGIK	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN / TEMPOH SASARAN	PEMACU
MENINGKATKAN KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI MELALUI KUTIPAN CUKAI TANAH	Mempelbagaikan kaedah kutipan dan saluran bayaran i.Kutipan Luar ii.Ops Bersepadu iii.Ops Ketuk	Meningkatkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai	Mengutip cukai semasa sebanyak 85% dan tunggakan cukai sebanyak 20% daripada jumlah perlu kutip setiap tahun	2021 – 2025	Unit Hasil
	Mengurangkan tunggakan Hasil Cukai Tanah	Mengeluarkan surat/notis peringatan kepada penunggak usia tunggakan 5 tahun ke atas atau RM500.00 ke atas	Mensasarkan sebanyak 20% menjelaskan bayaran	2021-2025	Unit Hasil



STRATEGIK	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN / TEMPOH SASARAN	PEMACU
MELAKSANAKAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG TANAH YANG LEBIH CEKAP DAN BERKESAN	Menjalankan aktiviti (pemantauan berkala) penguatkuasaan berkaitan permit bahan batuan	Bilangan rondaan dan pemantauan mengikut jadual yang disediakan pada tahun semasa	100% pemantauan di setiap kawasan pengeluaran bahan batuan yang telah diluluskan	2021 – 2025 (setiap tahun)	Unit Penguatkuasaan
	Melakukan pemantauan dan penguatkuasaan berdasarkan aduan berkaitan tanah yang diterima	Tempoh masa memberi maklumbalas terhadap aduan yang diterima	7 hari berkerja	2021 -2025 (setiap tahun)	Unit Penguatkuasaan






STRATEGIK	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN / TEMPOH SASARAN	PEMACU
MEMANTAPKAN PENGURUSAN PENDAFTARAN HAK MILIK TANAH	Memastikan urusan pindahmilik menggunakan aplikasi sistem e-Selamat sepenuhnya	Peratus permohonan pindahmilik yang diterima melalui Sistem e-Selamat	100%	2021 – 2025 (setiap tahun)	Unit Pendaftaran
MEMANTAPKAN PENGURUSAN PENDAFTARAN HAKMILIK YANG MELIBATKAN URUSNIAGA DAN BUKAN URUSNIAGA	Mempercepatkan urusan permohonan kebenaran Pindahmilik oleh Pentadbir Tanah melalui sistem e-Consent	* Tempoh masa keputusan kebenaran Pindahmilik (Consent) dikeluarkan * Piagam Pelanggan Agensi	14 hari berkerja	2021 – 2025 (setiap tahun)	Unit Pendaftaran
	Memendekkan tempoh masa proses pendaftaran yang lengkap bagi penyerahan urusniaga dan bukan urusniaga yang diterima	* Tempoh masa pendaftaran penyerahan * Piagam Pelanggan agensi	80% bilangan permohonan dapat diproses dalam 1 hari berkerja	2021 – 2025 (setiap tahun)	Unit Pendaftaran



STRATEGIK	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN / TEMPOH SASARAN	PEMACU
MEMPERKASAKAN PROSES PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH DAN PEMBANGUNAN TANAH	Meningkatkan bilangan penyelesaian proses permohonan pelupusan tanah berdasarkan kepada permohonan yang diterima pada tahun semasa	Bilangan fail permohonan pelupusan tanah	Penyelesaian minima 50% pada tahun semasa	2021 – 2025 (setiap tahun)	Unit Pelupusan
	Meningkatkan bilangan penyelesaian permohonan pembangunan tanah berdasarkan kepada permohonan yang diterima pada tahun semasa	Bilangan fail permohonan pembangunan tanah	Penyelesaian minima 75 % pada tahun semasa	2021 – 2025 (setiap tahun)	Unit Pembangunan Tanah





STRATEGIK & PELAN TINDAKAN

OBJEKTIF STRATEGIK 3 :

Memantapkan Program Dan Aktiviti Pembangunan Daerah Yang Lebih Bersepadu

STRATEGIK	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN / TEMPOH SASARAN	PEMACU
MEMANTAPKAN HALATUJU PEMBANGUNAN DAERAH	Menyelaras semua program Pembangunan Fizikal dan Sosial dengan semua agensi pelaksana Peringkat Daerah	<ul style="list-style-type: none"> * Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah * Arahan dan kelulusan Kerajaan Negeri 	<p>6 kali setahun</p> <p>Berdasarkan peruntukan tahunan yang diturunkan kepada agensi</p>	2021 – 2025 (setiap tahun)	BPLB
MENYEDIA DAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR AWAM YANG BERKUALITI	<ul style="list-style-type: none"> * Melaksanakan projek Pembangunan Fizikal berdasarkan peruntukan yang diturunkan * Laporan kerja mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan 	<ul style="list-style-type: none"> * Jumlah peruntukan yang disalurkan dari Kerajaan Negeri * Proses perolehan melalui sebutharga dan tender 	<p>100% bilangan projek siap mengikut jumlah peruntukan yang diluluskan</p> <p>Penjimatan 5% selepas pelaksana pelaksanaan projek mengikut spesifikasi yang ditetapkan</p>	2021 – 2025 (setiap tahun)	BPLB

STRATEGIK	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN / TEMPOH SASARAN	PEMACU
MELAKSANAKAN DASAR KERAJAAN NEGERI DALAM MENINGKATKAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT	<p>Melaksanakan semua program dan aktiviti yang dijadualkan selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri</p> <ul style="list-style-type: none"> * Blueprint Basmi Kemiskinan * Dana Usahawan Mikro * Program Kerajaan Prihatin * Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) * Program-program Kerajaan Negeri 	Semua program anjuran Kerajaan Negeri	100% dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan	2021-2025 (setiap tahun)	BPLB
MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKK)	<p>Memastikan JKKK melaksanakan mesyuarat bulanan dan berfungsi sebagai Pentadbir Peringkat Kampung Menyampaikan dasar-dasar Kerajaan Negeri kepada masyarakat melalui program-program kemasyarakatan</p> <ul style="list-style-type: none"> * Program Gotong-Royong * Program Mesra Rakyat (Dialog) * Jamuan hari Raya 	<p>*Berdasarkan bilangan mesyuarat yang diadakan dalam setahun</p> <p>*Berdasarkan peruntukan yang dibelanjakan mengikut arahan Kerajaan Negeri</p>	<p>6 kali setahun (minima)</p> <p>RM10,000 setahun</p>	2021-2025 (setiap setahun)	BPLB





PETA STRATEGI

Peta Strategi (*Strategy Map*) adalah gambaran menyeluruh strategi yang dilaksanakan sebagaimana yang dirancang. Pengukuran pencapaian strategi dan objektif diukur berdasarkan indikator yang telah ditetapkan mengikut 4 perspektif utama berikut :-

- Perspektif Pelanggan;
- Perspektif Kewangan;
- Perspektif Proses Dalaman ;
- Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan.

PETA STRATEGI PEJABAT DAERAH TANAH KUALA SELANGOR

PELANGGAN

Mempertingkatkan Infra awam dan memperkukuhkan pengurusan aset.

Membangunkan masyarakat yang sihat serta memupuk perpaduan .

Memudahkan dan mempercepatkan urusan berkaitan tanah serta mesra pelanggan

PROSES DALAMAN

Memantapkan tabdir urus sistem dan prosedur kerja

Mempertingkatkan kecekapan pengurusan tanah

Memantapkan hala tuju dan pembangunan tanah

Memantapkan sistem pengurusan pihak berkepentingan dan pelanggan

Memantapkan sistem pengurusan pihak berkepentingan dan pelanggan

KEWANGAN

Memantapkan pengurusan kewangan

Meningkatkan keupayaan mengutip hasil

PEMBELAJARAN & PERTUMBUHAN

Memantapkan pembangunan organisasi

Mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan selesa

Mempertingkatkan imej organisasi

Memantapkan kecekapan dan kompetensi

Memantapkan Kecekapan dan kompetensi





BAB 5:

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Pembangunan Insan

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran pembangunan insan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Ini termasuk perancangan strategik, pengurusan tanah, perancangan dan pengurusan ICT serta pengurusan prestasi. Pendekatan mentor-mentee, AKRAB dan pengurusan pembangunan kerjaya akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja serta mengekalkan imej Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor.

Kapasiti Organisasi

Kapasiti organisasi Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor akan diperkukuhkan agar dapat melaksanakan bidang fokus baru ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini akan disokong oleh struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara fleksible seperti kerja berpasukan, matriks dan berasaskan projek.

Pengurusan Ilmu

Ilmu, pengalaman dan amalan terbaik berkaitan pemodenan pentadbiran serta sistem penyampaian perkhidmatan akan dikongsi dan ditambah nilai melalui penggunaan sistem Pengurusan Ilmu atau *Knowledge Management* (KM) Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor. Penggunaan optimum KM akan memastikan penggunaan sumber ilmu secara berkesan dalam mencapai objektif strategik Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor.

Kajian Semula Pelan Strategik

Kajian Semula Pelan Strategik Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor akan dijalankan pada tahun 2025 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi

yang ditetapkan. Kajian Semula tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor.





MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap unit di Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh lima (5) tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut perancangan seperti di **Jadual 1**.

Bil	Perkara	Cadangan
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik	Setiap enam (6) bulan
2.	Penilaian Pencapaian	Setiap tahun
3.	Penilaian keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik	Setiap tahun

Jadual 1: Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian Pelan Strategik

Untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat pada setiap tahun. Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor.

Dalam pada itu, bagi memantapkan tadbir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan berkesan, adalah dicadangkan satu jawatankuasa khas diwujudkan, jawatankuasa ini akan dinamakan Jawatankuasa Transformasi Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor. Keahlian jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 2**:

Jawatan	Keahlian
Pengerusi	Pegawai Derah Kuala Selangor
Setiausaha	Bahagian Khidmat Pengurusan
Ahli-ahli	Semua Ketua Bahagian/Unit

Jadual 2: Jawatankuasa Transformasi PDT Kuala Selangor

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelaras utama di dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan. Selain itu, Pelan Strategik Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor ini boleh dipantau melalui carta perbatuan bagi memastikan berjalan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Carta perbatuan tersebut adalah seperti di **Jadual 3**:



**CARTA PERBATUAN PELAKSANAAN
PELAN STRATEGIK 2021 – 2025
PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA SELANGOR**

BIL	AKTIVITI	2021	2022	2023	2024	2025	TINDAKAN	PELAKSANAAN SEBENAR
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik							
2.	Penilaian Pencapaian							
3.	Penilaian Keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik							
4.	Kemaskini Pelan Strategik 2021-2025							

**Jadual 3: Carta Perbatuan Pelan Strategik
2021-2025**



**PEJABAT DAERAH / TANAH KUALA SELANGOR
KOMPLEKS PEJABAT DAERAH KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

TELEFON : 03-32891010

FAKSIMILI : 03-32892145

EMEL : kssel@selangor.gov.my

EMEL ADUAN : aduanpdtks@selangor.gov.my

PORTAL RASMI : <http://kualaselangor.selangor.gov.my>